

**Kaum Cina Diseru Kibar Jalur Gemilang, Tunjuk Semangat Patriotisme
Bernama
8 Ogos, 2012
Oleh Wong Cheng Hau**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Kaum Cina di negara ini diseru agar menyertai aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan ulang tahun ke-55 kemerdekaan negara, sebagai menunjukkan semangat patriotisme mereka.

Timbalan Presiden Persatuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) Datuk Ter Leong Yap berkata aktiviti itu adalah cara paling mudah untuk meluahkan semangat sayangkan negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kaum Cina perlu turut melakukannya untuk menunjukkan semangat kenegaraan, katanya kepada Bernama di sini.

Katanya berdasarkan pemerhatian, aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang terutama ketika Hari Kebangsaan tidak begitu mendapat tempat dalam kalangan kaum Cina.

Beliau berpandangan pengibaran Jalur Gemilang bukan sahaja untuk meraikan Hari Kemerdekaan negara, tetapi juga menunjukkan rakyat Malaysia pelbagai bangsa bersatu padu.

Dalam konteks ACCCIM, Ter berkata pihaknya menerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor, bekerjasama dengan akhbar berbahasa Melayu Berita Harian menganjurkan aktiviti melibatkan kaum bukan Cina bagi mengeratkan hubungan dan memupuk persefahaman.

Sementara itu, Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong) Tan Sri Pheng Yin Huah berkata semangat patriotisme tidak semestinya ditunjukkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang semata-mata.

Ini kerana katanya kaum Cina di negara ini telahpun meletakkan Hari Kebangsaan sebagai satu hari yang penuh makna dalam minda mereka.

Bagaimanapun, katanya, Hua Zong memang menggalakkan masyarakat Cina mengibarkan Jalur Gemilang bagi memeriahkan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara.

Pheng turut mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang mengumumkan beberapa dasar baharu termasuk meluluskan pembinaan sebuah sekolah menengah persendirian Cina di Kuantan, Pahang.

"Jika kerajaan dapat menyelesaikan masalah rakyat, ia mesti dialu-alukan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686482>

